



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM KENDURI RAKYAT MADANI (GAWAI)
TAHUN 2026**

24 MEI 2026 (AHAD)

11.00 PAGI

DEWAN PEJABAT DAERAH KANOWIT, SARAWAK

Salam Perpaduan, dan Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Hari ini, kita berkumpul bagi meraikan **Program Satelit Khas: Kenduri Rakyat MADANI Tahun 2026** bersempena dengan Sambutan Hari Gawai. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta Pejabat Daerah Kanowit atas penganjuran program yang bermakna ini.
2. Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada **Jabatan Perdana Menteri kerana telah meluluskan peruntukkan khas** bagi penganjuran Kenduri Rakyat MADANI ini bagi Parlimen Kanowit, Sarawak.
3. Penganjuran program ini bertujuan menyemai semangat kebersamaan, hormat-menghormati dan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Selain mengangkat signifikan Hari Gawai sebagai perayaan kesyukuran selepas musim menuai, kenduri ini turut menjadi medium memelihara adat resam, seni budaya dan tradisi warisan agar terus dihargai serta diwarisi oleh generasi muda.

SAMBUTAN HARI GAWAI

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

4. Hari Gawai disambut pada setiap 1 Jun sebagai **lambang kesyukuran atas hasil tuaian padi yang melimpah serta manifestasi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Dayak di Sarawak**, khususnya kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu. Perayaan ini telah diisytiharkan sebagai cuti umum rasmi pada 25 September 1964 dan mula disambut secara rasmi pada 1 Jun 1965.

5. Kini, Hari Gawai bukan sahaja diraikan oleh masyarakat Dayak, malah turut disambut bersama oleh pelbagai etnik dan kaum di Malaysia melalui amalan rumah terbuka, kunjung-mengunjung serta aktiviti kebudayaan yang mencerminkan semangat muhibah dan keharmonian. **Sambutan ini membuktikan bahawa kepelbagaian budaya mampu menjadi asas kukuh dalam mengeratkan perpaduan, memupuk rasa saling menghormati serta memperkasakan identiti Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum yang hidup dalam suasana aman dan harmoni.**

6. **Malaysia amat bertuah kerana memiliki kepelbagaian budaya, adat resam dan tradisi yang menjadi kekuatan dalam membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu.** Sambutan seperti Hari Gawai memberi peluang kepada rakyat daripada pelbagai latar belakang untuk saling mengenali, memahami dan menghormati budaya antara satu sama lain.

7. Dalam era globalisasi dan kemodenan hari ini, **warisan budaya tidak harus dilupakan atau dipinggirkan.** Tradisi dan adat Gawai perlu terus dipelihara sebagai identiti masyarakat serta khazanah negara yang tidak ternilai. Generasi muda perlu dididik agar mengenali sejarah dan memahami nilai budaya yang diwarisi supaya warisan ini dapat diteruskan kepada generasi akan datang.

8. **Kementerian Perpaduan Negara akan terus komited dalam memperkukuh perpaduan nasional melalui pelbagai program silang budaya, penghayatan warisan dan inisiatif kemasyarakatan yang menyatukan rakyat.** Usaha ini penting bagi memastikan keharmonian dan kestabilan negara terus diperkasakan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

KENDURI RAKYAT

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Saya dimaklumkan bahawa sejak awal pagi tadi, komuniti setempat telah bergotong-royong memulakan aktiviti “**Berderuk Nyedia Pemakai**” atau **rewang** sebagai persiapan sambutan **Hari Gawai**. Semangat kebersamaan dalam menyediakan hidangan dan mengurus persiapan inilah yang mencerminkan falsafah “Segulai Sejalai” yang begitu dekat dengan masyarakat Dayak.

10. Saya menyeru agar seluruh rakyat Malaysia terus **menghidupkan semula amalan rumah terbuka dan budaya kunjung-mengunjungi sesama jiran serta komuniti** tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang. Tradisi ini bukan sahaja mencerminkan nilai murni masyarakat Malaysia, malah menjadi medium terbaik dalam memperkukuh semangat kejiranan, memupuk persefahaman serta mengeratkan hubungan silaturahim antara rakyat. **Semangat kejiranan yang utuh akan melahirkan masyarakat yang saling menghormati, prihatin, bekerjasama dan sentiasa bersatu padu dalam mengekalkan keharmonian serta keamanan negara.**

11. Pelbagai pengisian berimpak tinggi turut dirangka sepanjang program hari ini. Antaranya termasuk **Townhall Keselamatan Komuniti bersama PEMADAM** bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan ketum dan dadah terhadap kesejahteraan komuniti. Selain itu, **reruai kesihatan yang menyediakan pemeriksaan kesihatan dan kempen derma darah turut dibuka dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)**.

12. Pada masa yang sama, **Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) juga membawakan Slot Interaktif Kenegaraan** bagi menyemai semangat patriotisme, cintakan negara dan nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, masyarakat juga diberikan pendedahan mengenai fungsi dan kemudahan yang disediakan oleh **Pusat NADI** agar komuniti di Kanowit dapat memanfaatkan penggunaan internet, teknologi digital serta peluang ekonomi digital secara lebih menyeluruh dan berkesan.

13. Dalam kesempatan ini juga, kerajaan terus menzahirkan keprihatinan terhadap kebajikan rakyat melalui penyerahan **Sumbangan Bakul Rahmah MADANI kepada golongan sasaran. Sumbangan ini akan disampaikan kepada 100 penerima daripada golongan kurang berkemampuan di**

sekitar Kanowit bagi membantu meringankan beban serta membuat persediaan menyambut perayaan Hari Gawai dengan lebih sempurna dan bermakna.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

14. Akhir kata, saya berharap agar Kenduri Rakyat MADANI sempena Hari Gawai ini menjadi jambatan yang menghubungkan rakyat pelbagai kaum dalam semangat perpaduan, hormat-menghormati dan kebersamaan. Kepelbagaian budaya yang kita miliki merupakan kekuatan negara yang perlu dipelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang.

15. Saya sekali lagi mengucapkan Selamat Menyambut Hari Gawai kepada seluruh masyarakat Dayak di Sarawak khususnya Kanowit. Semoga perayaan ini membawa keberkatan, kesejahteraan dan kebahagiaan kepada semua.

Dengan itu, saya merasmikan **Program Satelit Khas: Kenduri Rakyat MADANI Tahun 2026.**

Sekian, Terima Kasih.